

Media Title : Sinar Harian  
Headline : 'Polis Bukit Aman' perdaya warga emas RM184,000  
Date : 25 September 2024  
Section : Negeri  
Page : 24



## 'Polis Bukit Aman' perdaya warga emas RM184,000

**KUANTAN** - Seorang lelaki warga emas kerugian RM184,000 angkara sindiket penipuan menyamar pegawai polis dari Bukit Aman.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman berkata, mangsa berusia 75 tahun diperdaya dengan dakwaan nombor akaun miliknya disalahgunakan bagi tujuan penggubahan wang haram.

Menurutnya, mangsa dihubungi suspek pada 8 September lalu sebelum dimaklumkan mengenai dakwaan tersebut.

"Suspek kemudiannya mengarahkan mangsa membuka akaun bank baharu dan memindahkan semua wang ke akaun itu bagi tujuan siasatan serta semakan Bank Negara.

"Mangsa yang terpedaya memindahkan wang simpanannya berjumlah RM184,000 lalu menyerahkan maklumat perbankan kepada suspek," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.


Yahaya berkata, suspek memaklumkan akan menghubungi semula mangsa selepas siasatan selesai.

"Mangsa syak ditipu selepas gagal menghubungi suspek lalu tampil membuat laporan polis," katanya.

Sementara itu, Yahaya berkata, orang ramai dinasihatkan tidak mudah panik



YAHAYA



Seorang warga emas kerugian RM184,000 akibat dipedaya individu menyamar sebagai pegawai polis Bukit Aman.

- Gambar hiasan

dan percaya dengan sebarang dakwaan diterima melalui panggilan telefon daripada individu tidak dikenali.

"Buat semakan dengan polis atau agensi kerajaan bagi mengelak daripada menjadi mangsa penipuan dalam talian yang menyamar," katanya.